

17 JUL 2001

Mahathir-Doktor

KERAJAAN SEDIA TAMBAH PENGAMBILAN PELAJAR DALAM BIDANG PERUBATAN

MELAKA, 17 Julai (Bernama) -- Kerajaan bersedia menambah jumlah pengambilan pelajar dalam bidang perubatan untuk menampung keperluan pakar perubatan di negara ini pada masa hadapan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sekiranya doktor di negara ini tidak mencukupi, kerajaan menghadapi masalah untuk menempatkan mereka ke kawasan luar bandar dalam usaha meningkatkan lagi tahap kesihatan rakyat.

"Masalahnya sekarang, kalau kita hantar mereka (doktor kerajaan) ke kawasan luar bandar, mereka berhenti dan menyertai sektor swasta yang menawarkan pendapatan yang lebih lumayan," katanya semasa menjawab pertanyaan pemberita mengenai masalah kekurangan doktor di negara ini.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kolej Perubatan Melaka-Manipal di Batu Hampar, Bukit Baru di sini, hari ini.

Ditanya langkah kerajaan memanggil pulang pakar perubatan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, Dr Mahathir berkata adalah sukar untuk memanggil mereka berkhidmat di negara ini kerana sesetengah mereka memperolehi pendapatan lebih 10 hingga 15 kali ganda daripada apa yang mereka boleh perolehi di sini.

Ada di antara mereka turut diberi saham di dalam syarikat tempat mereka berkhidmat.

"Daripada 300 yang mohon (untuk berkhidmat di sini), 200 permohonan telah diluluskan. Ini kira boleh tahan, daripada tak ada langsung," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan boleh membina banyak hospital tetapi adalah sukar bagi mendapatkan doktor yang berkecukupan untuk berkhidmat di hospital kerajaan.

Katanya bagi kerajaan, khidmat untuk masyarakat adalah lebih penting daripada bayaran, dalam memastikan rakyat Malaysia hidup sihat.

Kolej Perubatan Melaka-Manipal (MMMC) yang dirasmikan hari ini dibina di kawasan seluas 3.4 hektar dengan kos perbelanjaan RM50 juta dan mengambil pertama pelajar pada September 1997.

Kolej itu merupakan usahasama Yayasan Pelajaran Melaka, MEMG International dan mendiang Datuk K. Pathmanaban.

Ia kini mempunyai lebih 700 pelajar di kedua-dua kampus di Melaka dan Manipal, India dan menawarkan program berkembar MBBS termasuk latihan pra-klinikal selama dua setengah tahun di Pusat Sains Kesihatan Antarabangsa Manipal, India.

Antara kemudahan yang disediakan di MMMC ialah dewan serbaguna, bilik seminar dan perbincangan, perpustakaan, makmal klinikal, bilik kuliah serta asrama yang boleh memuatkan seramai 400 pelajar.

--BERNAMA

SBS APG RON